

# **Penguasaan Kemahiran Generik Pelajar 4SPH (Perdana) Untuk Persediaan Menceburi Bidang Perguruan Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup**

Noraini Binti Mohd Noor & Hung Hsien Yang

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Kajian ini merupakan satu kajian yang bertujuan untuk melihat tahap penguasaan kemahiran generik pelajar 4SPH (Perdana) untuk persediaan menceburi bidang perguruan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian ini melibatkan semua pelajar 4SPH iaitu seramai 126 orang pelajar. Set Soal selidik digunakan sebagai instrument untuk kajian ini. Data dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan, peratusan dan min. Perisian SPSS versi 15 digunakan untuk menganalisis data tersebut. Hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran berkomunikasi di kalangan pelajar 4SPH (Perdana) berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran generik yang lain iaitu kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kepimpinan, dan kemahiran kerja berkumpulan berada tahap penguasaan yang tinggi. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran generik pelajar 4SPH (Perdana) berada pada tahap penguasaan yang tinggi.

*Katakunci :* kemahiran generik pelajar, bidang perguruan, kemahiran hidup

## **Pengenalan**

Malaysia kini sedang membangun dan berusaha untuk menuju ke arah menjadi sebuah negara yang maju. Namun untuk menuju ke arah ini, pembangunan telah dijalankan dengan pesat. Pembangunan Negara menyebabkan persaingan menjadi semakin hebat tidak kira dalam apa jua bidang. Persaingan ini juga termasuklah persaingan pelajar untuk mendapatkan peluang menuntut ilmu pengetahuan samada di Institusi Pengajian Tinggi ataupun di Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Namun, ilmu pengetahuan yang dipelajari semasa menuntut ilmu di institusi-institusi ini masih lagi tidak mencukupi untuk mereka bersaing di pasaran kerja jika mereka tidak seiringkan dengan penerapan kemahiran generik. Kemahiran generik yang dimaksudkan adalah seperti kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan, penyelesaian masalah, mempunyai keyakinan diri, beretika, kreativiti dan kemahiran kepimpinan. Mereka yang memiliki kemahiran generik secara langsung membolehkan mereka berkeupayaan untuk bersaing di alam pekerjaan yang semakin mencabar ini. Kemahiran generik bukan sahaja dapat diterap melalui pembelajaran di kelas semata-matanya tetapi sebaliknya juga perlu bergantung pada usaha individu dalam mengikuti pelbagai jenis aktiviti dan juga melalui cara lain untuk mempertingkatkan lagi kemahiran-kemahiran pada seseorang individu itu.

Hasil kajian yang dijalankan oleh Rosmawati (2000) mendapati bahawa majikan menganggap kemahiran-kemahiran seperti kemahiran menjalankan tugas, kemahiran berkerja kumpulan dan kemahiran inisiatif sebagai kemahiran yang penting. Kemahiran ini jika dikuasai dengan baik oleh graduan akan membolehkan mereka kerja dengan lebih baik dan berkualiti. Akan tetapi, secara keseluruhannya pihak majikan mendapati bahawa pihak institusi pengajian tinggi gagal menyediakan graduan-graduan yang memperoleh kesemua kemahiran tersebut.

Oleh itu, adalah penting bagi mahasiswa untuk menguasai kemahiran generik kerana kemahiran generik merupakan satu kemahiran yang penting dalam dunia pekerjaan. Pihak

universiti kini menitikberatkan kemahiran generik untuk menggalakkan pembangunan mahasiswa. Mahasiswa yang dapat menerapkan kemahiran generik akan banyak membantu mereka dalam persiapan untuk menceburi alam pekerjaan.

### **Pernyataan Masalah**

Guru pada masa kini memikul tugas dan tanggungjawab besar kepada masyarakat dengan peranan di sebuah institusi yang melahirkan generasi pemimpin yang bakal menentukan masa depan negara. Oleh itu, adalah penting bagi bakal guru untuk memperlengkapkan diri dari pelbagai aspek supaya mereka berupaya menjadi seorang pendidik yang baik.

Guru seharusnya mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang tinggi, mempunyai sahsiah yang terpuji, berketrampilan dan berpegang teguh kepada etika perguruan. Dengan ini, guru berupaya untuk mendidik generasi muda dengan sempurna.

Bakal guru samaada dari maktab perguruan atau penuntut ijazah kini dilengkapi dengan pelbagai jenis kemahiran generik yang diterapkan pada setiap subjek semasa mereka menjalani pengajian mereka masing-masing. Namun, kemahiran generik amatlah penting bagi mereka ketika ingin menceburi bidang masing-masing pada masa akan datang. Persoalannya, adakah semua bakal pendidik memperolehi kemahiran-kemahiran tersebut ketika menjalani pengajian mereka masing-masing? Selain itu, jika mereka memperolehi kemahiran-kemahiran tersebut, sejauhmanakah tahap penguasaan kemahiran tersebut? Daripada persoalan yang timbul ini, pengkaji berminat untuk mengkaji sejauhmanakah tahap penguasaan kemahiran generik oleh pelajar 4SPH (Perdana) dalam persediaan untuk menceburi bidang perguruan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk memenuhi beberapa persoalan, iaitu:

- i) Mengenalpasti bagaimana kemahiran generik diterapkan dalam proses pengajaran & pembelajaran.
- ii) Mengenalpasti tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar 4SPH (Perdana).

### **Kepentingan Kajian**

Hasil kajian daripada kajian yang dijalankan dapat memberi maklumat kepada pihak Fakulti Pendidikan tentang tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar 4SPH (Perdana), UTM kampus Skudai. Selain itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam lain yang menawarkan kursus pendidikan.

Kajian yang dijalankan juga dapat memberi gambaran kepada mahasiswa tentang tahap penguasaan kemahiran generik oleh mereka. Mahasiswa pada masa kini bukan sahaja hanya perlu cemerlang pada akademik, tetapi juga penting dalam menguasai kemahiran generik sebagai persediaan menceburi alam pekerjaan.

Kajian ini adalah penting kerana boleh mengetahui tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar 4SPH (Perdana) dalam persediaan untuk menceburi bidang perguruan. Guru pada masa kini memainkan peranan yang penting dalam mendidik generasi muda dan juga menjadi teladan kepada generasi muda. Oleh itu, guru perlulah memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan juga menguasai kemahiran generik yang penting sebagai syarat untuk menjadi seorang pendidik yang baik.

Hasil kajian jika mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar 4 SPH (Perdana) berada pada tahap yang kurang memuaskan, maka pihak Fakulti

Pendidikan perlu mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut. Fakulti Pendidikan boleh mengubah corak pendidikan kepada yang lebih efektif dalam menerapkan kemahiran generik. Oleh itu, kajian ini dapat membantu pihak Fakulti Pendidikan dalam mengetahui tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar 4SPH (Perdana).

### **Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan terhadap semua pelajar tahun akhir sesi 2008/2009 yang sedang mengikuti kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di Universiti Teknologi Malaysia, kampus Skudai sahaja.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar 4SPH (Perdana) dalam persediaan untuk menceburi bidang perguruan dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup. Kajian ini akan menumpu kepada empat kemahiran generik iaitu kemahiran berkomunikasi, penyelesaian masalah, kepimpinan dan kerja berpasukan.

Sampel kajian hanya bertumpu kepada mahasiswa tahun akhir yang mengambil kursus SPH sahaja. Kesemua pelajar kursus SPH iaitu seramai satu ratus dua puluh enam orang pelajar dijadikan sebagai responden.

### **Rekabentuk Kajian**

Rekabentuk kajian membantu penyelidik dalam menuju ke arah untuk menjalankan kajian dan juga mendapat maklumat yang dikehendaki. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang berbentuk deskriptif. Tinjauan deskriptif bertujuan mendapatkan ukuran atau gambaran berkaitan keadaan ataupun ciri populasi. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta dengan tepat (Mohd Najib, 1998). Penyelidik menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan data kerana tinjauan boleh mengambil data dalam satu masa tertentu dengan soal selidik. Penggunaan soal selidik merupakan cara yang sangat berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Penggunaan soal selidik boleh membantu penyelidik menentukan sifat 'impersonal' dalam jawapan dan keseragaman dikalangan responden.

### **Persampelan Kajian**

Untuk kajian ini, responden melibatkan semua populasi iaitu terdiri daripada semua pelajar perdana tahun 4 Sesi 2008/2009 yang mengambil kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup) di Universiti Teknologi Malaysia, kampus Skudai. Jumlah responden untuk kajian ini adalah seramai 126 orang pelajar.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Borang soal selidik akan diedarkan kepada semua pelajar 4SPH (Perdana) untuk mendapatkan maklum balas. Soal selidik boleh digunakan untuk mengukur persepsi, sikap, motivasi, perasaan, pandangan, dan istilah-istilah yang boleh dirangkumkan sebagai nilai afektif. Responden dihendaki menjawab semua soalan yang dikemukakan berdasarkan kepada arahan yang diberikan.

Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian yang utama iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang responden seperti jantina. Manakala bahagian B pula terdiri daripada dua soalan kajian iaitu soalan kajian 1 dan soalan kajian 2.

Soalan kajian 1 pada bahagian B mengkaji kaedah kemahiran generic diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Soalan kajian 1 terdiri daripada 22 item soalan yang berbentuk pernyataan positif untuk mengukur empat daripada tujuh kemahiran generik. Empat kemahiran generik yang dikaji adalah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan. Bagi soalan kajian 1, skala yang akan digunakan adalah skala Likert lima mata dimana skala 1 mewakili Sangat Tidak Setuju (STS), skala 2 mewakili Tidak Setuju (TS), skala 3 mewakili Tidak Pasti (TP), skala 4 mewakili Setuju (S), dan skala 5 mewakili Sangat Setuju (SS).

**Jadual 1: Skala Likert Lima Mata Untuk Soalan Kajian 1**

Penerangan	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (T)	Tidak Pasti (TP)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
Skor	1	2	3	4	5

Soalan kajian 2 pada bahagian B mengkaji persepsi pelajar 4SPH (Perdana) terhadap kebolehan mereka dalam penguasaan kemahiran generik. Soalan kajian 2 terdiri daripada 30 item yang juga berbentuk pernyataan positif untuk mengukur empat daripada tujuh kemahiran generik iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan. Skala yang akan digunakan untuk mengukur tahap pada soalan kajian 2 ini adalah skala Likert lima mata dimana skala 1 mewakili Kebolehan Rendah, skala 2 mewakili Kebolehan Sederhana (KS), skala 3 mewakili Tidak Pasti (TP), skala 4 mewakili Kebolehan Tinggi (KT), dan skala 5 mewakili Kebolehan Sangat Tinggi (KST).

**Jadual 2: Skala Likert Lima Mata Untuk Soalan Kajian 2**

Penerangan	Kebolehan Rendah (KR)	Kebolehan Sederhana (KS)	Tidak Pasti (TP)	Kebolehan Tinggi (KT)	Kebolehan Sangat Tinggi (KST)
Skor	1	2	3	4	5

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis perlu dijalankan sebelum kajian sebenar dilakukan. Menurut Mohd. Najib (2003), kajian rintis adalah satu aktiviti yang penting dilakukan bagi setiap kajian tinjauan dan tujuan utamanya adalah untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen.

Kajian rintis untuk kajian ini dijalankan ke atas 10 orang responden yang dipilih secara rawak. Kesemua responden ini terdiri daripada pelajar perdana tahun akhir yang mengambil kursus Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kemahiran Hidup). Penyelidikan ini menggunakan Model Alpha Cronbach untuk menguji kebolehpercayaan instrument kajian. Sebarang kesilapan dan kekurangan dalam borang soal selidik ini akan dibaiki selepas kajian rintis dilakukan.

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan ke atas 10 orang responden, didapati bahawa nilai Alpha Cronbach yang diperolehi adalah sebanyak 0.934, iaitu pada tahap kepercayaan yang tinggi. Oleh itu, borang soal selidik ini boleh dipakai guna dan sesuai untuk tujuan kajian.

## **Analisis Data**

Hasil daripada analisis yang telah dijalankan terhadap soalan kajian 1 mendapati bahawa kemahiran generik memang dapat diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pernyataan ini terbukti apabila kajian terhadap penerapan tiga jenis kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran iaitu kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan mencatat nilai min yang tinggi.

Manakala untuk soalan kajian 2, didapati bahawa tahap kebolehan penguasaan kemahiran generik di kalangan pelajar 4 SPH (Perdana) berada pada tahap yang tinggi. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian yang menunjukkan nilai min bagi tiga daripada empat jenis kemahiran generik yang dikaji iaitu kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kepimpinan dan kemahiran kerja berpasukan menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu kemahiran penyelesaian masalah pada 3.73, kemahiran kepimpinan pada 3.85 dan kemahiran kerja berpasukan pada 4.30. Kemahiran berkomunikasi pula berada pada tahap yang sederhana dengan nilai min pada 3.66.

## **Perbincangan**

Soalan kajian ini menumpukan kajian kepada empat jenis kemahiran generik yang utama iaitu tentang kemahiran berkomunikasi, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran kepimpinan dan kemahiran penyelesaian masalah.

Secara keseluruhannya, mendapati bahawa kemahiran berkomunikasi dapat diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Melalui analisis terhadap item-item dibawah pecahan soalan ini mendapati bahawa pelajar 4SPH (Perdana) lemah dari segi bertutur dalam bahasa Inggeris yang juga sebagai salah satu atibut dalam kemahiran berkomunikasi. Manakala pelajar 4SPH (Perdana) tidak menghadapi masalah apabila bertutur dengan orang lain, berbincang dengan pensyarah tentang tugasan, mengeluarkan pendapat dan dapat pembentangan dengan penyampaian maklumat yang jelas.

Ai-Hwa Quek (2005) menyatakan bahawa kepentingan menguasai kecekapan kemahiran generik sangat penting dalam meningkatkan keberkesanan dan kejayaan prestasi kerja dalam organisasi pada masa kini dikalangan para graduan Malaysia yang masih baru melangkah dalam industri pekerjaan. Oleh itu, sebelum melangkah dalam industri pekerjaan, pelajar perlulah menguasai kemahiran tersebut dengan baik supaya tidak menghadapi masalah ketika menjejak kaki ke alam pekerjaan.

Penerapan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran penting untuk melahirkan pelajar berilmu serta berbagai kebolehan dan kemahiran seperti kemahiran komunikasi, persembahan lisan, menyelesaikan masalah dan interpersonal. Keadaan ini disebabkan ramai graduan hari ini yang gagal dalam persembahan lisan, tidak pandai bersosial ketika kerja dan menyelesaikan masalah di tempat kerja (Institution of Engineers, Australia, 1996).

Hasil daripada analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi di kalangan pelajar 4SPH (Perdana) hanya berada pada tahap yang sederhana sahaja. Melalui analisis terhadap item-item dibawah pecahan soalan ini mendapati bahawa pelajar 4SPH (Perdana) baik dari segi keupayaan untuk bertutur dengan rakan, dapat bercakap dengan jelas, mampu memberi pendapat dan mampu berunding dengan orang lain untuk mencapai sesuatu persetujuan tetapi lemah dari segi pertuturan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain.

Hasil keputusan yang diperoleh daripada kajian ini juga menunjukkan bahawa kemahiran kerja berpasukan di kalangan pelajar 4SPH (Perdana) berada pada tahap yang tinggi. Penguasaan

kemahiran kerja berpasukan ini berada pada tahap yang tinggi disebabkan mereka mempunyai banyak peluang untuk berkerjasama menyiapkan tugas kumpulan. Hasil kajian ini dapat disokong dengan menurut kepada MB Muda (2003) yang menyatakan bahawa keberkesanan kumpulan di dalam organisasi boleh dilihat berdasarkan tiga kriteria berikut, iaitu focus pencapaian, sumbangan ahli-ahli dan bekerja bersama-sama.

Menurut Melvyn Dodrige (1999), untuk mendapatkan ciri-ciri *k-workers* dalam era k-ekonomi iaitu seorang pekerja itu seharusnya mempunyai kemahiran generik seperti kemahiran dalam interpersonal, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi dan fleksibiliti, adaptability dan proaktif. Pekerja yang mempunyai kemahiran generik akan menjadi pekerja yang berproduktif dan multiskills. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyarankan kepada semua guru-guru menerapkan kemahiran generik dalam pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, adalah penting bagi pelajar 4SPH untuk menguasai kemahiran generik supaya menjadi seorang guru yang berkualiti dan berkemahiran tinggi.

Hasil kajian daripada patron (1997) menerangkan bahawa pihak university harus menitikberatkan pembangunan kepentingan kemahiran generik di kalangan pelajar di peringkat awal lagi kerana pembangunan kemahiran generik perlu bermula dari awal permulaan setiap kursus. Oleh itu, kebanyakan kursus yang ditawarkan dalam universiti mengandungi unsur-unsur kemahiran generik yang membolehkan pelajar menerapkan kemahiran tersebut.

Menurut Oliver (2000), pembangunan kemahiran generik amat penting bagi pelajar untuk menjadi seorang pelajar yang berjaya dalam bidang yang diceburi oleh mereka. Pembangunan kemahiran generik juga dapat membantu pelajar dalam kerjaya serta aspek-aspek lain dalam kehidupan mereka. Kajian ini dapat kita lihat betapa pentingnya kemahiran generik pada hari ini.

## **Rujukan**

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan (2007) *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* : PTS Professional Sdn Bhd.
- Bennett, N. et al (2000), "Skills Development in Higher Education and Employment." Buckingham: SRHE and Open University Press.
- Buletin P&P (2004), "Atribut UTM", UTM.
- Farah Zulkifli (2003). "Persepsi Majikan Terhadap Keperluan Kemahiran Generik di Kalangan Pekerja Industri Kecil Sektor Pemprosesan Makanan di Daerah Hulu Langat, Selangor." Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda
- Lizzio, A. dan Wilson, K. (2004). 'First-year students' perceptions of capability', *Studies in Higher Education*.29 (1). 109-126
- Meyer, C. and T. Jones (1992). *Promoting Active Learning: Strategies for the college Classroom*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Rosmawati Mamat (2000), "Employers Perception of the Quality of the Malaysia Business Graduates". Universiti Utara Malaysia; Tesis Sarjana.
- Siti Hajar, (2005). 'Mengenalpasti Persepsi Mahasiswa Tentang Kemahiran Generik'. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Universiti Teknologi Malaysia (2007). "Panduan Menulis Tesis UTM". Perpustakaan Sultanah Zanariah.